

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 2(4)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 04 TAHUN 2015**

Tarikh : 28 April 2015 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi hingga 12.30 tengah hari
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 5. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 6. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 7. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 8. | Encik Loka Ng Sai Kai | - | " |
| 9. | Encik Michael Noel Jalleh | - | " |
| 10. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 11. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 12. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 13. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 14. | Encik Wan Hock Leong | - | " |
| 15. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 16. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |
| 17. | Encik Jaber bin Ami | - | " |
| 18. | Encik Ban Shi Ron | - | " |
| 19. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 20. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo | - | " |
| 21. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 22. | Encik Tan Pang Yeow | - | " |
| 23. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 24. | Puan Kavitha a/p Chandragesan | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---------------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | Ahli Majlis |
|----|---------------------------------------|---|-------------|

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Puan Hamizun binti Mohd Basar
Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
2. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
3. Y.M. Raja Amir Iskandar bin Raja Azlan
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
4. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
6. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
7. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Kesihatan
9. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
10. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Pengarah, Jabatan Pelesenan
11. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pegawai Integriti, Unit Integriti
12. Puan Noraziah binti Ali
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
13. Puan Satinah binti Safirol
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB

14. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
15. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
16. Puan Aida binti Omar
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
17. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
18. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
19. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
20. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
21. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
22. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
23. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
24. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
25. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
26. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
27. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan

28. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
29. Cik Helda Syima binti Abu Talab
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
30. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
31. Puan Rahimah binti Aisa @ Hassan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
32. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
33. Encik Mohd Syazwan bin Kamaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
34. Encik Nazri Faiz bin Zainal
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
35. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
36. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
37. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
38. Encik Mohd Saidi bin Alang
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
39. Cik Adibah binti Abdullah
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
40. Puan Nadia binti Abu Baharin
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
41. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan

42. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
43. Puan Noraini binti Nazaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
44. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
45. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
46. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
47. Puan Azian binti Ropie
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
48. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
49. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
50. Puan Mimi Zareena binti Md Nor
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
51. Dr. Muhammad Khairin bin Zamauri
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
52. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
53. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
54. Puan Nor Najihah binti Sukor
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
55. Encik Mohamad Junus bin Baharom
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik

56. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
57. Puan Zaiyanazareht binti Zaini
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
58. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
59. Encik Muhammad Iskandar Z bin Azmi
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
60. Encik Muhammad Aliff bin Abd Rani
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
61. Encik Muhsin bin Izhar Hisham
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
62. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
63. Encik Mohd Fikri bin Misro
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
64. Encik Mohd Redzuan bin Abdul Jamal
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

URUSETIA

1. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa dan Ummul Kitab, Al-Fatihah.

2.0 UCAPAN PENGERUSI

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 04/2015 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR INTEGRITI KORPORAT SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN DI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak MPSJ yang diwakili oleh YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, Yang Dipertua MPSJ telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Selangor pada 20 April 2015 (Isnin) yang telah dihadiri oleh Dato' Menteri Besar Selangor, YAB. Tuan Mohamed Azmin bin Ali dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi serta disaksikan oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed.

Sehubungan itu, pihak Majlis berharap semua warga kerja MPSJ dapat mengamalkan budaya kerja unggul dan mengamalkan nilai-nilai integriti dalam organisasi selaras dengan Akujanji Ikrar Integriti Korporat.

2.2 ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) TAHUN 2015

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menerima kunjungan Panel Penilai Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Tahun 2015 pada 27 April 2015 (Isnin) bagi melihat keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Organisasi dan Kualiti MPSJ.

Pihak Pengurusan MPSJ mengucapkan terima kasih dan syabas kepada semua Ketua Jabatan, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ kerana telah memberikan komitmen yang tinggi dalam membuat persiapan dan persediaan untuk menghadapi penilaian bagi anugerah APPC kali ini.

Sehubungan itu, pihak Pengurusan MPSJ mengharapkan semoga MPSJ akan berjaya memperolehi pencapaian yang cemerlang dalam anugerah APPC bagi tahun 2015 ini.

2.3 SUKAN BADAN-BADAN BERKANUN MALAYSIA (SUKANUN) 2015

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menghantar kontinjen MPSJ untuk menyertai Kejohanan Sukan Badan-Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) Ke-9 Tahun 2015 yang akan berlangsung pada 28 April – 03 Mei 2015 bertempat di Kota Kinabalu, Sabah.

MPSJ akan menghantar seramai 97 orang kontinjen yang terdiri daripada pengurus pasukan dan atlit yang bertanding. Kontinjen MPSJ akan mengambil bahagian dalam enam (6) acara sukan yang dipertandingkan dalam kejohanan pada kali ini.

Pihak Pengurusan MPSJ mengucapkan selamat maju jaya kepada seluruh kontinjen MPSJ dan mengharapkan semoga pasukan MPSJ akan dapat mencapai kejayaan yang cemerlang dalam SUKANUN 2015 ini.

2.4 LAB PROMOTING TOWNSHIP REJUVENATION CASE STUDY : SUBANG JAYA AND SUNWAY TOWNSHIPS

Lab ini diadakan selama dua hari iaitu pada 29 dan 30 April 2015 (Rabu dan Khamis) bertempat di Emperor Ballroom, Empire Hotel, Subang Jaya. Lab ini bertujuan untuk membincangkan isu dan masalah serta menyediakan model penambahbaikan rupa bentuk bandar di kawasan perbandaran Subang Jaya dan Sunway.

Lab ini akan dihadiri oleh 200 orang peserta yang terdiri daripada Pemaju, Perunding Perancang Bandar, Perunding Arkitek, Jurutera, Jawatankuasa Penduduk, Persatuan Penduduk, Ahli Majlis, ADUN Kawasan Subang Jaya dan Ahli Parlimen, Lembaga Lebuhraya, SPAD, PRASARANA, Konsesi Lebuhraya dan pelbagai Agensi Kerajaan dan pegawai-pegawai MPSJ sendiri.

Agenda yang akan dibincangkan adalah kriteria utama di dalam pembangunan Bandar Sunway dan Subang Jaya, meliputi mewujudkan bandar yang lebih mesra alam, bandar yang lebih mobiliti dan integrasi rakyat, pengintegrasian sosial warga MPSJ dan penggunaan teknologi bagi mentadbir urus bandar.

Perbincangan dua hari ini akan mendapatkan pandangan penduduk, Ahli Majlis, ADUN dan Ahli Parlimen bersama pihak pemaju dan juruperunding serta Agensi Kerajaan. Idea-idea baru ini akan mewujudkan semangat berkerjasama di dalam pembangunan MPSJ. Selain itu, isu-isu semasa dapat dihuraikan dengan mengambilkira pandangan semua pihak yang terlibat di dalam menjayakan Lab ini.

2.5 MAJLIS PENYERAHAN SIJIL LAYAK MENDUDUKI PROJEK PERUMAHAN PANGSAPURI SRI INDAH (FASA 1) LESTARI PERDANA

Sukacita dimaklumkan Majlis Penyerahan Sijil Layak Menduduki Projek Perumahan Pangsapuri Sri Indah (Fasa 1) Lestari Perdana akan diadakan pada 09 Mei 2015 (Sabtu), jam 9.30 pagi bertempat di Dewan Orang Ramai Dr. George Lim Ah Soo, Bandar Putra Permai, Seri Kembangan, Selangor.

Majlis ini akan disempurnakan oleh Dato' Menteri Besar Selangor, YAB. Tuan Mohamed Azmin bin Ali.

2.6 INTERNATIONAL PERFORMING ARTS FESTIVAL SEMPENA TAHUN MELAWAT SELANGOR 2015

Sukacita dimaklumkan bahawa satu program "International Performing Arts Festival" akan dianjurkan Sempena Tahun Melawat Selangor 2015 pada 10 Mei 2015 bertempat di Kompleks Sukan MPSJ, Subang Jaya.

Penganjuran program ini diadakan buat pertama kali dan merupakan salah satu aktiviti yang melibatkan persembahan kesenian dan kebudayaan diperingkat antarabangsa dan telah dapat menarik penyertaan kumpulan-kumpulan muzik daripada serata dunia untuk menyertainya.

Program ini telah mendapat penyertaan daripada empat negara luar iaitu Thailand, Korea, Jepun, Sri Lanka selain Malaysia.

2.7 KEJOHANAN BOLASEPAK 7 SEBELAH MPSJ 2015

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan Kejohanan Bolasepak 7 Sebelah MPSJ 2015 pada 16 dan 17 Mei 2015 (Sabtu dan Ahad) bertempat di Padang Bolasepak MPSJ, Puchong Utama, Puchong. Kejohanan ini diadakan selaras dengan pembangunan sukan belia Negeri Selangor khususnya di kawasan Puchong dan Kinrara.

Kejohanan ini merupakan julung-julung kali diadakan dan adalah menjadi hasrat dan harapan MPSJ untuk memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan jayanya demi kebaikan dan pembangunan sukan bolasepak di kawasan MPSJ. Kejohanan ini juga diadakan bersempena dengan perasmian Padang Bolasepak MPSJ, Jalan ¼, Puchong Utama, Puchong, Selangor Darul Ehsan yang baru dinaiktaraf.

2.8 PROGRAM KARNIVAL @ 3C 2015

Sukacita dimaklumkan bahawa Kompleks 3C MPSJ akan mengadakan program Karnival @ 3C pada 23 Mei 2015 (Sabtu) bermula pada jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam. Pelbagai aktiviti dan program menarik telah dirangka bagi memeriahkan acara tersebut dengan menyasarkan penglibatan daripada semua lapisan masyarakat.

Selain itu, program ini diadakan bertujuan untuk mempromosikan Kompleks 3C kepada komuniti setempat dan pihak luar mengenai program dan aktiviti yang dijalankan di Kompleks 3C MPSJ.

Pelbagai pengisian program dan aktiviti menarik telah diaturkan bagi memeriahkan Karnival @ 3C ini.

2.9 LAPORAN DEMAM DENGGI

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 16 (iaitu sehingga 25 April 2015) adalah sebanyak 4175 kes denggi telah dilaporkan di kawasan MPSJ dan terdapat tujuh belas (**17**) kawasan 'hotspots' denggi di kawasan pentadbiran MPSJ.

Sehubungan itu, walaupun statistik kes denggi menunjukkan sedikit penurunan, adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk tidak leka dan perlu terus memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan Kempen 10 Minit dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

2.10 PENUBUHAN UNIT INTEGRITI MPSJ

Unit Integriti Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) secara rasmi telah ditubuhkan pada 02 Januari 2015 di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 iaitu penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam.

Unit Integriti MPSJ adalah satu unit khas yang bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman dan pengurusan integriti di MPSJ.

Objektif penubuhan Unit Integriti MPSJ ialah:

- i. Untuk menyepadukan semua pengurusan hal-hal yang berkaitan dengan integriti di bawah sebuah unit yang khusus supaya inisiatif-inisiatif penginstitutionan integriti, pencegahan, pematuhan, pengesanan salah laku dan tindakan punitif dapat dilaksanakan dengan cara yang

lebih fokus, terancang, efisien dan mencapai keberhasilan yang optimum;

- ii. Memastikan tadbir urus dilaksanakan secara efektif;
- iii. Memastikan pelaksanaan nilai-nilai integriti dalam organisasi selaras dengan Pelan Integriti Nasional dan Pelan Integriti MPSJ;
- iv. Memastikan prosedur tata tertib dilaksanakan dengan telus selaras dengan Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan dan Tata tertib) Majlis Perbandaran Subang Jaya, 1998.

Unit Integriti MPSJ diketuai oleh seorang Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) dan terdiri daripada dua seksyen yang menjalankan fungsi masing-masing iaitu:

- i. Pematuhan & Tadbir Urus, Pengesanan & Pengesanan Dan Pengurusan Aduan
- ii. Pengukuhan Integriti Dan Tata tertib

MPSJ berharap dengan penubuhan Unit Integriti, hasrat untuk menjadi sebuah organisasi yang lebih efektif, unggul dan berintegriti akan terlaksana.

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 03/2015 BERTARIKH 25 MAC 2015.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 03/2015 bertarikh 25 Mac 2015 telah disahkan tanpa pindaan.

4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 07/2015 Bertarikh 01 April 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 08/2015 Bertarikh 15 April 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.8 m.s 37	Encik Chia Yew Ken	Permohonan Kebenaran Merancang Membuat Perubahan	Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula syarat-syarat dan garis panduan

			<p>Material Kegunaan Bangunan Daripada Kedai Pejabat Kepada Institut Pendidikan Swasta Di Alamat 67, 69 Dan 71, Jalan SS 15/8A, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan</p>	<p>berhubung permohonan kebenaran merancang membuat perubahan material kegunaan bangunan daripada kedai pejabat kepada Institut Pendidikan Swasta di kawasan perdagangan dan komersial di kawasan pentadbiran MPSJ kerana ia melibatkan beberapa isu berbangkit seperti kesesakan lalulintas dan isu tempat meletak kenderaan.</p> <p>Justeru itu, beliau meminta supaya pihak Majlis membuat kajian semula dan tindakan penambahbaikan ke atas garis panduan dan syarat-syarat kelulusan yang sedia ada sebelum pelaksanaannya dikuatkuasakan oleh pihak Majlis.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan memaklumkan bahawa pihak Majlis akan memperhalusi isu-isu berbangkit mengenai perkara ini sebelum sebarang keputusan selanjutnya diambil oleh pihak Majlis.</p>
--	--	--	---	---

				Sehubungan itu, Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Perancang Bandar untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 03/2015 Bertarikh 07 April 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Bahagian Audit Dalam

4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 04/2015 Bertarikh 08 April 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.5.5 m.s 22	Encik Wan Hock Leong	Masalah Anjing Liar	Beliau memohon supaya pihak Majlis membuat kajian dan mengemukakan

				<p>rangka cadangan bagi mencari kaedah berkesan dalam menangani masalah anjing liar di kawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p>Sehubungan itu, beliau mencadangkan agar pihak Majlis menubuhkan satu jawatankuasa kecil bagi meneliti dan membincangkan mengenai perkara ini dengan lebih lanjut.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan Kesihatan untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p>
2	para 5.7.2 m.s 25	Encik Wan Hock Leong	Kesesakan Lalulintas Trafik Di Jalan Lagoon Selatan Sehingga Ke Persimpangan LDP	Beliau memohon supaya pihak Majlis membuat kajian dan memikirkan mekanisme penyelesaian yang lebih berkesan dalam menangani isu kesesakan lalu lintas di Jalan Lagoon Selatan sehingga ke persimpangan Lebuhraya Damansara Puchong (LDP).

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan Kejuruteraan untuk mengambil tindakan segera berhubung perkara ini.</p> <p>Sehubungan itu, Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan untuk mengadakan mesyuarat khas bagi membincangkan mengenai perkara ini dengan lebih lanjut dan memanggil agensi-agensi yang berkaitan termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR), Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) untuk menghadiri mesyuarat ini.</p> <p>Mesyuarat ini akan turut membincangkan mengenai masalah kesesakan trafik di kawasan MPSJ yang melibatkan keseluruhan jaringan laluan Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) di kawasan MPSJ.</p>
--	--	--	--	--

3	para 5.7.3 m.s 25	Encik Mohan Singh a/ Surtar Singh	Isu 'Guarded & Gated' Dan 'Boom-Gate'	<p>Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis mengeluarkan pandangan rasmi pihak Majlis berhubung keputusan mahkamah terhadap isu 'Guarded & Gated' dan 'Boom-Gate' bagi mengawasi keselamatan kawasan-kawasan perumahan di kawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Undang-Undang untuk membuat penyelarasan dan kajian selanjutnya berhubung isu ini sebelum kenyataan rasmi dikeluarkan oleh pihak Majlis berkenaan perkara ini.</p>
---	-------------------------	---	---	---

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 04/2015 Bertarikh 10 April 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.3 m.s 7	Ir. Izham bin Hashim	Cadangan Kiosk Pangsapuri Angsana USJ1, Subang Jaya Dipindahkan Ke Kawasan Lapang Di Hadapan Apartment Jati USJ 1, Subang Jaya	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengadakan satu mesyuarat khas bagi membincangkan mengenai isu-isu yang berkaitan berhubung perkara ini sebelum sebarang keputusan selanjutnya diambil oleh pihak Majlis.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini dan seterusnya mengaturkan satu mesyuarat khas bagi membincangkan mengenai isu-isu yang berkaitan mengenai perkara ini dengan kadar segera.</p>

2	para 3.5 m.s 9	Encik Jaber bin Ami	Pusat Mencuci Kereta Tanpa Lesen Yang Dikenakan Tindakan Penguatkuasaan	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengadakan satu mesyuarat khas bagi membincangkan mengenai isu-isu berbangkit berhubung pusat mencuci kereta tanpa lesen yang dikenakan tindakan penguatkuasaan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua memutuskan supaya isu dan permasalahan mengenai perkara ini dibawa dan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan yang akan datang sebelum sebarang keputusan selanjutnya diambil oleh pihak Majlis.</p>
3	para 10.3 m.s 24	Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan	Permohonan Baru Dan Cadangan Permohonan Pembaharuan Lesen Pusat Penjagaan Kesihatan	Beliau memohon supaya pihak Majlis memperhalusi isu-isu berbangkit dan mengkaji semula syarat-syarat kelulusan bagi permohonan baru dan pembaharuan lesen pusat penjagaan kesihatan di kawasan pentadbiran MPSJ.

				<p>Beliau turut mencadangkan agar pihak Majlis turut mempertimbangkan laporan kajian “Social Impack Assessment (SIA)” untuk dimasukkan sebagai salah satu syarat kelulusan bagi permohonan baru dan pembaharuan lesen pusat penjagaan kesihatan di kawasan MPSJ sebelum sebarang keputusan selanjutnya diambil oleh pihak Majlis.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato’ Yang Dipertua memutuskan supaya isu-isu berbangkit berkaitan lesen pusat penjagaan kesihatan di kawasan MPSJ dibawa dan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan yang akan datang sebelum sebarang keputusan selanjutnya diambil oleh pihak Majlis.</p> <p>Sehubungan itu, Dato’ Yang Dipertua meminta Jabatan Pelesenan untuk mengedarkan Pekeliling yang</p>
--	--	--	--	---

				<p>berkaitan dan Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan Dan Pusat Penjagaan Kesihatan (Majlis Perbandaran Subang Jaya) kepada semua Ahli Majlis sebagai rujukan.</p> <p>Selain itu, Dato' Yang Dipertua turut meminta Jabatan Pelesenan untuk membuat semakan berhubung Prosedur Operasi Standard (SOP) pihak Kerajaan Negeri dan pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berkaitan perkara ini.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pelesenan

4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 04/2015 Bertarikh 13 April 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 03/2015 Bertarikh 14 April 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

4.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 04/2015 Bertarikh 15 April 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

4.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 04/2015 Bertarikh 17 April 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.17 m.s 29	Encik Pooi Weng Keong	Cadangan Bagi Penganjuran Program “Belia Madani Ke Arah Transformasi” – Jom Konvoi MPSJ 2015	Beliau mengemukakan pandangan dan cadangan supaya pihak Majlis menukar nama program ini kepada nama yang lebih bersesuaian dengan slogan Kerajaan Negeri Selangor. <u>Pindaan Minit:</u> Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 04/2015 bertarikh 28 April 2015 telah bersetuju memilih slogan “ Jom Konvoi MPSJ 2015 – Kami Peduli ” sebagai nama program bagi tahun ini.

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

**5.0 PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN MAJLIS
PERBANDARAN SUBANG JAYA BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2014**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Laporan Pembentangan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014.

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

6.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 6.1** YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID), S.I.S., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S
Pengerusi Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA